



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, APRIL 2024

Bilangan penganggur terus menurun pada April 2024 kepada 566.4 ribu orang, merekodkan kadar pengangguran 3.3 peratus

PUTRAJAYA, 10 Jun 2024 – Bilangan penganggur turun sedikit kepada 566.4 ribu orang pada April 2024, mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 3.3 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, April 2024**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan April 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh pada bulan April 2024 kekal stabil, mencerminkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menggalakkan. Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada April 2024 meningkat sebanyak 0.1 peratus, mencatatkan 17.12 juta orang (Mac 2024: 17.10 juta orang), dengan kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.3 peratus seperti pada bulan sebelumnya."

Selanjutnya, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja pada bulan April 2024 terus merekodkan peningkatan, dengan pertumbuhan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 16.56 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Mac 2024: 16.53 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur pada bulan tersebut mencatatkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.04 peratus kepada 566.4 ribu orang, berbanding 566.6 ribu orang pada Mac 2024. Kadar pengangguran pada April kekal pada 3.3 peratus, seperti yang direkodkan bulan lalu.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Kategori pekerja merangkumi 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada bulan April 2024. Kumpulan ini meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 12.43 juta orang (Mac 2024: 12.42 juta orang). Pada masa yang sama, kategori penduduk bekerja sendiri terus berada pada trend menaik, dengan kadar pertumbuhan sebanyak 0.3 peratus kepada 3.04 juta orang (Mac 2024: 3.03 juta orang)."

Mengulas mengenai guna tenaga mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus merekodkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama dalam bilangan penduduk bekerja juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta sektor Pertanian pada bulan tersebut.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa 79.7 peratus daripada jumlah penganggur adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kategori ini berkurang sedikit iaitu sebanyak 0.03 peratus kepada 451.4 ribu orang (Mac 2024: 451.5 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 61.7 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah sebanyak 6.7 peratus. Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif turun sedikit iaitu sebanyak 0.05 peratus kepada 115.0 ribu orang (Mac 2024: 115.0 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun tidak berubah iaitu pada 10.6 peratus pada April 2024, merekodkan 305.9 ribu penganggur belia (Mac 2024: 10.6%; 306.3 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah 6.5 peratus, dengan 434.9 ribu penganggur belia (Mac 2024: 6.6%; 434.5 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada bulan April 2024 mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.01 peratus kepada 7.23 juta orang (Mac 2024: 7.23 juta orang). Sebab utama penduduk berada di luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga dengan peratus sumbangan sebanyak 42.7 peratus, diikuti oleh bersekolah/ latihan pada 41.4 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, pertumbuhan positif ekonomi Malaysia dijangka akan berterusan pada suku seterusnya, disokong oleh corak perbelanjaan domestik yang berdaya tahan dan peningkatan dalam aktiviti pelancongan, serta kedudukan pasaran buruh yang positif dan pertumbuhan pendapatan. Selain itu, permintaan dari luar negara juga dijangka akan pulih apabila Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan dalam pengeluaran global dan perdagangan antarabangsa. Pelaburan sektor awam yang lebih kukuh sejajar dengan kemajuan dalam sektor pembinaan, terutama pembangunan infrastruktur berterusan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, akan membawa kepada pertambahan lebih banyak pekerjaan. Situasi ini akan menggalakkan lebih ramai orang masuk ke pasaran pekerjaan, sekali gus akan merancakkan lagi kedudukan pasaran buruh Malaysia. Oleh itu, situasi tenaga buruh negara yang lebih optimis dijangka pada bulan-bulan yang akan datang, selari dengan

prestasi ekonomi Malaysia yang memberangsangkan.

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, April 2021 - April 2024



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, April 2021 - April 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 JUN 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, APRIL 2024

The number of unemployed persons continued to decline in April 2024 to 566.4 thousand persons, recording a 3.3 per cent unemployment rate

PUTRAJAYA, 10 June 2024 – The number of unemployed declined slightly to 566.4 thousand persons in April 2024, registering an unemployment rate of 3.3 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, April 2024**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for April 2024, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The labour market in April 2024 remained steady, reflecting the encouraging growth of Malaysia's economy. Thus, the number of labour force in April 2024 edged up by 0.1 per cent, registering 17.12 million persons (March 2024: 17.10 million persons), with the labour force participation rate stood at 70.3 percent as in the prior month."

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons in April 2024 continued to record increases, with a month-on-month growth of 0.1 per cent to 16.56 million persons compared to the previous month (March 2024: 16.53 million persons). In the meantime, the number of unemployed persons during the month posted a slight decrease of 0.04 per cent to 566.4 thousand persons, as against 566.6 thousand persons in March 2024. The unemployment rate in April remained at 3.3 per cent, as recorded last month.

Elaborating further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, "The employees' category formed 75.1 per cent of the total employed persons in April 2024. This group rose by 0.1 per cent to 12.43 million persons (March 2024: 12.42 million persons). On the same note, the own-account workers category continued its upward trend, with a growth of 0.3 per cent to 3.04 million persons (March 2024: 3.03 million persons)."

Explaining on the employment by the economic sector, the Services sector continued to record a rise in the number of employed persons, mainly in the Information & communication, Food & beverage services and Transportation & storage activities. A similar trend in the number of employed persons was also observed in the

Manufacturing, Construction, Mining & quarrying sectors, as well as the Agriculture sector during the month.

Commenting further on the unemployment situation during the month, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that 79.7 per cent of the total unemployed persons were actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs. This category declined marginally by 0.03 per cent to 451.4 thousand persons (March 2024: 451.5 thousand persons). Among the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months encompassed 61.7 per cent, while those who were in long-term unemployment for more than a year were 6.7 per cent. Likewise, those who believed that there were no jobs available or the inactive unemployed slightly decreased by 0.05 per cent to record 115.0 thousand persons (March 2024: 115.0 thousand persons).

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years remained unchanged at 10.6 per cent in April 2024, recording 305.9 thousand unemployed youths (March 2024: 10.6%; 306.3 thousand persons). On the same note, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years was 6.5 per cent, with 434.9 thousand unemployed youths (March 2024: 6.6%; 434.5 thousand persons).

As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force in April 2024 registered a slight increase of 0.01 per cent to 7.23 million persons (March 2024: 7.23 million persons). The main reason for being outside the labour force was due to housework/ family responsibilities with a share of 42.7 per cent, followed by schooling/ training at 41.4 per cent.

Concluding the statement, the positive growth of Malaysia's economy is projected to continue in the coming quarters, backed by resilient domestic spending patterns and an increase in tourism activity, as well as the positive labour market position and revenue growth. Moreover, external demand is also expected to recover as Malaysia benefits from an increase in global production and international trade. Stronger public sector investment in line with progress in the construction sector, especially continued infrastructure development under the 12th Malaysia Plan, will lead to an increase in more jobs. This situation will encourage more people to enter the job market, thus boosting Malaysia's labour market position. Therefore, a more optimistic condition of the country's labour force is expected in the coming months, in line with Malaysia's favourable economic performance.

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.




The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, April 2021 - April 2024



Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 10 June 2024

Chart 2: Unemployment, Malaysia, April 2021 - April 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10 JUNE 2024